

Kesediaan Graduan Baharu Mendanai Pengoperasian Universiti (*Graduands' Willingness to Contribute to Alma Mater Operating Fund*)

FIDLIZAN MUHAMMAD

ABSTRAK

Graduan merupakan imej penting kepada sesebuah universiti. Penyediaan kepada pelajar dengan kualiti akademik dan infrastruktur sokongan yang baik merupakan antara indikator penting pihak universiti untuk merealisasikan pembentukan imej graduan yang berkualiti. Hasilnya, imej ini mewujudkan satu bentuk hubungan dua hala jangka panjang dalam pelbagai aspek melibatkan sumbangan semula dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan. Memandangkan sumbangan kewangan dari graduan kepada universiti telah popular dalam kalangan universiti tersohor di dunia, maka kajian ini bertujuan menganalisis kesediaan untuk memberi sumbangan kewangan kepada pihak universiti terutama dalam kalangan graduan baharu setelah memperoleh pekerjaan. Bagi mencapai tujuan tersebut, instrumen borang soal selidik yang melibatkan 431 orang graduan baharu sebuah universiti awam di Perak yang berkonvokesyen pada tahun 2015 telah dilaksanakan dengan menggunakan analisis regresi logistik. Kajian ini mengkaji lima faktor penting berkaitan universiti iaitu kemudahan, aktiviti pelajar, kualiti akademik, hasil pengajian, pengurusan universiti, dan dua pemboleh ubah kawalan iaitu jantina dan kategori pembiayaan semasa pengajian. Hasil analisis kajian menunjukkan tahap kesediaan graduan untuk menyumbang agak rendah. Kebanyakan pemboleh ubah kajian didapati tidak signifikan dengan pemboleh ubah kualiti akademik sahaja mempengaruhi secara positif, manakala pemboleh ubah kategori pembiayaan semasa pengajian dan kemudahan pula mempengaruhi secara negatif. Pengaruh biaya pengajian khususnya menunjukkan komitmen graduan untuk membayar semula hutang lebih diutamakan berbanding memberi sumbangan kepada pihak universiti. Kesimpulan penting daripada kajian ini menunjukkan bahawa tahap kesediaan graduan untuk memberikan sumbangan kewangan kepada pihak universiti adalah masih lemah. Untuk merealisasikan konsep sumbangan graduan kepada pihak universiti, faktor kualiti akademik semata-mata tidak mampu mempengaruhi hubungan kesediaan tersebut. Terdapat pelbagai strategi perlu dirancang oleh pihak universiti bagi melahirkan graduan yang bersedia untuk memberi sumbangan semula seperti sifat kepunyaan, kecintaan kepada universiti dan sebagainya.

Kata Kunci: Kesediaan, graduan baharu, universiti, filantropi, logistik.

ABSTRACT

Graduands are the key image of a university. The preparation for students with the quality of academic and good infrastructure support are among the essential indicator of a university to establish the image production of quality graduands. As a result, this image creates a form of a long term two-way relationship in many aspects pertaining the recontribution in the form of financial and non-financial. Due to the acknowledgement of financial contribution from graduands to the university among reputable universities in the world, this study aims to analyse the willingness of giving financial contribution to the university especially among the newly graduated graduands after obtaining a job. To achieve this objective, a questionnaire instrument involving 431 new graduands of a public university in Perak who undergone a convocation in 2015 was analyzed using the logistic regression analysis. This study examines five important factors related to the university namely the facility, student activities, academic quality, study outcome and university management with two controlled variables which are gender and the category of academic fund during study. The finding of analysis indicates the willingness of graduands to contribute is relatively low. Most of the variables in study are found to be not significant with only the variable of academic quality is found to influence positively, whereas the variable of fund category during study and facility are found to influence negatively. The influence of study fund demonstrates the commitment of graduands to repay the loan is prioritized compared to contribute to the university. An important conclusion from this study reveals that the level of graduand willingness to financially contribute to the university is still low. To realize the concept of graduand contribution to the university, the academic quality factor per se is not able to influence the relationship of the willingness. There are multiple strategies to be planned by the university to produce willing full graduands to recontribute such as the feeling of belonging, the love to the university and others.

Keywords: Willingness, new graduands, university, philanthropy, logistic.

PENGENALAN

Graduan merupakan sebahagian pemegang taruh (*stakeholder*) yang bernilai kepada sesebuah universiti. Kejayaan seseorang graduan dalam pekerjaan merupakan identiti penting kepada kecemerlangan universiti dalam jangka panjang. Penglibatan graduan untuk memberikan sumbangan dalam bentuk kewangan kepada pihak universiti di Malaysia merupakan isu yang baharu. Peruntukan kewangan untuk pengurusan dan pembangunan universiti yang dibiayai sepenuhnya oleh pihak kerajaan menyebabkan tiada perbincangan atau kajian yang mendalam dilakukan sebelum ini untuk mendorong graduan memberikan sumbangan kepada pihak universiti. Isu tersebut mula mendapat perhatian serius daripada pihak penggubal polisi apabila perbelanjaan besar yang dibelanjakan, telah didapati kurang efisien untuk mencapai matlamat pendidikan tinggi negara (Ahmad & Farley, 2012). Sehubungan itu, pemberian kuasa autonomi dilaksana sebagai antara polisi untuk mempercepatkan sesebuah universiti merealisasikan sistem dan mutu pendidikan tinggi yang mampu bersaing pada peringkat antarabangsa (Fidlizan et al., 2014)

Untuk merealisasikan kuasa tersebut, pihak universiti perlu berupaya untuk menjana dana dan kekayaan berasaskan sumber-sumber luar bagi mengimbangi pengurangan dalam peruntukan daripada pihak kerajaan. Sehubungan itu, sumbangan daripada pihak graduan telah disarankan sebagai sebahagian usaha untuk memenuhi peruntukan yang berkurangan (KPT, 2007). Penglibatan graduan dalam membiaya aktiviti di universiti telah banyak dilaksana oleh universiti terkemuka di dunia. Sebagai contoh, pengoperasian Universiti Harvard, Yale, Princeton, Cambridge, dan Oxford melalui sumbangan berjumlah jutaan dollar atau pound sterling telah berkesan menonjolkan imej dan kegemilangan sesebuah institusi pengajian tinggi (Kartini et al., 2015). Menurut Laporan CAE (2015), sumbangan dana luar kepada universiti-universiti di Amerika Syarikat berjumlah USD37.45 billion pada tahun 2014 dengan Universiti Harvard mengumpulkan dana melebihi USD1.6 billion (Rujuk Lampiran, Jadual A1).

Hal yang sama turut berlaku di England yang mana jumlah graduan yang memberikan sumbangan kewangan dari tahun 2011 hingga 2014 telah meningkat dengan nilai sumbangan sebanyak £643 juta pada tahun 2014 berbanding £519 pada tempoh sebelumnya (Rujuk Lampiran, Jadual A2). Faktor utama kejayaan di England adalah kemampuan pihak universiti untuk mewujudkan hubungan berterusan dengan graduan baharu dan menjejaki semula alumni yang lama (Laporan Survei Ross-CASE, 2013-2016). Memandangkan pengoperasian yang berjaya oleh universiti luar negara melalui dana luar yang antaranya adalah sumbangan alumni, maka konsep berkenaan tidak mustahil untuk dilaksanakan di Malaysia. Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (2007) yang dibentuk oleh Kementerian Pengajian Tinggi merupakan langkah awal untuk merealisasikan konsep ini. Beberapa buah universiti di Malaysia turut didapati kini telah melaksanakan strategi tertentu bagi menarik graduan untuk bersama-sama membiayai keperluan universiti (Rujuk Lampiran, Jadual A3)

Secara umum, didapati bahawa terdapat usaha daripada beberapa buah universiti awam di Malaysia untuk mendapatkan sumbangan kewangan daripada pihak luar melalui tabung wakaf yang bersifat terbuka dan menerima sumbangan daripada semua pihak. Walau bagaimanapun, sejauh mana tabung yang diwujudkan tersebut berjaya menarik sumbangan golongan alumni sebagaimana di luar negara khususnya tidak diketahui tahap penerimaan dan nilai sumbangan secara terperinci. Sehubungan itu, bagi menilai kejayaan strategi polisi yang telah direncanakan dalam tempoh 10 tahun lalu, maka keperluan untuk mewujudkan data berpusat yang melaporkan secara terperinci mengenai profil penyumbang, jenis, nilai dan jumlah sumbangan amat penting

Terdapat pelbagai faktor yang menarik dan menolak seseorang alumni untuk bersedia memberikan sumbangan kepada universiti berdasarkan penelitian dalam kajian lepas. Memandangkan sumbangan alumni kepada pihak universiti tidak bersifat wajib, maka kesediaan untuk menyumbang bergantung kepada niat atau objektif masing-masing. Dalam

hal tersebut, tahap ketulenan menyumbang telah didapati dipengaruhi oleh dua motif iaitu reputasi (Becker, 1974; Glazer & Konrad, 1996) dan faedah bersama (Clotfelter, 1980; Randolph, 1995). Dalam senario graduan baharu, faedah bersama merupakan motif yang penting untuk mempengaruhi golongan berkenaan untuk menyumbang. Hal ini dikaitkan dengan kebolehpasaran graduan sesebuah universiti untuk memperoleh peluang pekerjaan yang bersesuaian merupakan faedah bersama yang mendorong graduan untuk memberikan sumbangan kepada universiti bagi mengekalkan reputasi atau imej universiti berkenaan (Guevara & Stewart, 2011).

Sehubungan itu, faktor-faktor berkaitan universiti seperti kurikulum, tenaga akademik, kemudahan dan sebagainya adalah penting bagi universiti memperoleh faedah bersama terutama sumbangan kewangan pada masa depan daripada golongan alumni (Mael & Ashforth, 1992). Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh faktor dalaman dan luaran sepanjang pengajian di universiti terhadap kesediaan mereka untuk memberi semula kepada universiti. Tahap kesediaan yang tinggi untuk memberikan semula merupakan kayu ukur penting mengenai reputasi atau imej sesebuah universiti dalam kalangan alumni (Tom & Elmer, 1994).

KAJIAN LITERATUR

Kajian berkaitan sumbangan graduan atau alumni kepada universiti di Malaysia masih baharu dalam kalangan pengkaji. Memandangkan isu tersebut baharu, maka kajian untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan menyumbang amat penting. Dua teori penting dibincangkan dalam kalangan pengkaji bagi mengenal pasti faktor kejayaan sumbangan ini iaitu teori sistem dalam kepimpinan organisasi dan teori pertukaran sosial (Rohayati et al., 2016). Teori sistem merujuk kepada tahap keupayaan organisasi untuk menyesuaikan diri dengan cepat terhadap perubahan dalam persekitaran luaran yang berlaku. Untuk mencapainya, pertukaran, perkongsian dan penggabungan maklumat berlaku secara berterusan antara semua pihak

yang terlibat bagi memastikan kelangsungan organisasi. Dalam hal ini, pemimpin dalam institusi memainkan peranan penting untuk menguruskan perubahan dalam organisasi yang bertepatan dengan keperluan persekitaran ini bagi mencapai misi yang ditetapkan (Pfeffer, 1997). Melalui teori tersebut, sistem dan struktur pengurusan, infrastruktur, perkhidmatan sokongan dan sebagainya yang mantap adalah penting sebagai elemen-elemen pembuktian menunjukkan kesediaan sesebuah institusi. Elemen-elemen ini telah dibuktikan penting membentuk imej, reputasi dan kedudukan sesebuah institusi yang mempengaruhi tahap sumbangan dalam kalangan alumni (Holmes, 2009) yang dikaitkan sebagai teori pertukaran sosial

Teori pertukaran sosial merujuk kepada pilihan individu untuk memberi tidak dipengaruhi oleh sifat pemurah (*altruism*) sahaja, tetapi sebahagian daripada proses kitaran (Sun et al., 2007). Sehubungan itu, sebahagian penyumbang menjadikan pemberian ini sebagai balasan atau manfaat bersama yang dapat diperoleh seperti perasaan positif, hubungan yang lebih rapat, peluang masa hadapan, pengaruh dan sebagainya. Hal tersebut menyebabkan gelagat penyumbang dikategorikan kepada dua bahagian iaitu pemurah tulen (*pure altruism*) dan pemurah tidak tulen (*impure altruism*) (Andreoni, 1989).

Rentetan daripada kedua-dua teori berkenaan, beberapa kajian empirikal awal di Malaysia khususnya melibatkan faktor-faktor yang mempengaruhi sumbangan alumni kepada universiti telah dilaksanakan. Kajian oleh Abd. Rahman et al., (2015) yang melibatkan 25 orang graduan telah mendapati faktor balasan dalam bentuk pengalaman semasa pengajian dan institusi merupakan dua elemen penting yang dapat menarik kesediaan penyumbang dalam kalangan graduan. Elemen pengalaman yang membentuk nilai, sikap serta budaya positif yang diperoleh sepanjang pengajian sama ada secara formal atau tidak formal membentuk satu petunjuk penting mengenai peranan dan kecemerlangan sesebuah universiti. Untuk mengekalkan ciri berkaitan, peranan pusat alumni di universiti perlu diberi penekanan. Maklumat dan kegiatan semasa di universiti

perlu disebar dan dikongsi secara berterusan kepada alumni untuk membuktikan amalan perkongsian dan keterbukaan dalam pengurusan universiti.

Kajian oleh Fidlizan et al., (2015) dalam kalangan graduan yang sedang berkhidmat sebagai guru pula mendapati norma subjektif iaitu pengaruh keluarga merupakan faktor penting mempengaruhi sumbangan. Hal ini didapati sejajar dengan teori pertukaran sosial yang mendapati bahawa individu yang berada pada tahap kewangan keluarga yang kukuh berserta mempunyai kepentingan ahli keluarga yang sedang melanjutkan pengajian tinggi menunjukkan tahap perbandingan kesediaan untuk menyumbang lebih tinggi.

Bagi menarik minat penyumbang dalam kelompok graduan baharu pula, kebolehpasaran graduan dengan ciri-ciri yang memenuhi keperluan pekerjaan amat penting. Hasil pengajian tersebut merupakan imej penting kepada universiti yang menonjolkan kualiti akademik yang sesuai dengan pasaran, pengalaman kerjaya, pembentukan sahsiah, penghargaan diri dan peluang interaksi dengan komuniti yang berjaya direalisasikan kepada graduan. Kajian oleh Calvario (1996) serta Umbach dan Porter (2002) mendapati kepuasan graduan mendapatkan sesuatu yang diinginkan daripada hasil pengajian di institusi seperti pekerjaan yang baik adalah signifikan mempengaruhi sumbangan ini. Hal tersebut mampu dilaksana dengan kemudahan dan faktor pembelajaran yang bersesuaian disediakan oleh sesebuah universiti. Kualiti ahli akademik merupakan antara faktor penting yang membentuk reputasi universiti dan kualiti graduan. Kualiti akademik merujuk kepada kursus pengajian, pengajar, kesesuaian dengan industri dan jenis penyelidikan dilaksana (Graham & Gisi, 2000; Umbach & Porter 2002).

Persekitaran yang terdapat dalam sesebuah universiti meliputi kokurikulum, proses, kemudahan sokongan dan sebagainya turut mempengaruhi bersama-sama. Gabungan faktor-faktor ini penting umumnya dinilai oleh alumni sebagai kesediaan pihak universiti membentuk kecemerlangan seseorang graduan (Leslie & Ramey, 1988). Graduan yang mendapat pengalaman sosial melalui penglibatan dalam

kegiatan sosial dan sukan semasa pengajian merupakan kumpulan alumni yang didapati mudah memberi balasan berbentuk sumbangan kewangan dan bukan kewangan secara berterusan (Feudo, 2010; Volkwein & Carbone, 1994). Graduan yang aktif serta menganggotai secara langsung aktiviti dan persatuan turut didapati signifikan untuk memberikan sumbangan berbanding graduan biasa (Astin et al., 1999). Oleh yang demikian, kurangnya penglibatan pelajar dalam aktiviti semasa di universiti menyebabkan usaha untuk mendapatkan penyertaan mereka selepas menamatkan pengajian terhadap kepentingan universiti amat sukar (McDearmon & Shirley, 2009).

Kesan limpahan kewujudan sesebuah universiti kepada masyarakat sekeliling merupakan reputasi tambahan yang perlu diberi penekanan bertujuan mempengaruhi minat pelbagai pihak lain untuk turut menyumbang. Program bersama masyarakat yang dipelopori oleh institusi dan memberi manfaat pengalaman kepada graduan mempengaruhi sokongan dan sumbangan mereka secara berterusan universiti pada masa depan. Penglibatan langsung graduan semasa pengajian dengan isu yang dihadapi oleh masyarakat, institusi dan negara dapat membentuk kesediaan menyumbang kepada universiti pada kadar yang lebih tinggi (Fidlizan et al., 2014a). Penyertaan langsung begini dapat memberi indikator kepada graduan lama yang telah berkerjaya mengenai transformasi yang telah dilaksanakan oleh institusi dalam menghadapi perubahan polisi dan kekangan kewangan semasa yang dihadapi oleh negara dan universiti khususnya. Oleh yang demikian, pendekatan universiti yang lebih terbuka dengan graduan baharu dan lama tersebut berupaya mempengaruhi mereka untuk membantu pihak universiti, dan seterusnya menjayakan polisi pendidikan tinggi negara (Fidlizan et al., 2014b). Kewujudan hubungan erat ini mendorong minat pelbagai pihak untuk memberikan sumbangan sebagai timbal balas atau penghargaan seseorang individu daripada hasil serta faedah semasa yang diperoleh (Okunade, 1993; Wannuva & Lauze, 2001).

Graduan yang memenuhi keperluan pasaran pekerjaan merupakan faktor penting

yang mempengaruhi mereka untuk memberikan sumbangan. Malahan, sesebuah universiti yang memiliki kecemerlangan ini turut bersama-sama mampu untuk menarik kepercayaan daripada sektor industri untuk turut sama menyumbang dalam pelbagai bentuk (Callen, 1994; Bekkers & Crutzen, 2007). Sesebuah universiti yang tersohor dengan jenama atau identiti unik yang diterapkan kepada graduan menjadi faktor penarik kepada industri untuk turut sama menyumbang kepada universiti (Heckman & Guskey, 1998). Kesediaan memberikan sumbangan sebagai balasan kepada faedah yang diperoleh ini merupakan satu elemen kepercayaan sosial umum yang amat sukar untuk diperoleh (Brown & Ferris, 2007). Oleh yang demikian, bagi mencapai elemen berkenaan tersebut, pihak universiti perlu mahir mengurus dan menyampaikan maklumat. Sikap terbuka antara pihak universiti dengan graduan penting untuk diurus dengan baik bagi memastikan hubungan kedua-dua berkekalan (Sargeant & Lee, 2004; Parsons, 2007).

Dalam konteks di Malaysia, pengurusan universiti amnya diketahui mendapat pembiayaan daripada pihak kerajaan. Perubahan polisi yang berlaku perlu disampaikan kepada pelajar dan masyarakat secara tepat bagi mengelakkan salah faham berkaitan tanggungjawab kerajaan dan pengurusan wang negara terutama dalam kalangan alumni sebagai pembayar cukai. Penyampaian maklumat mengenai strategi pelaksanaan polisi kerajaan amat penting untuk difahami dengan baik untuk menggalakkan graduan memberikan sumbangan. Pengurusan universiti yang mampu memberi persepsi menyakinkan kepada graduan melibatkan kualiti pentadbiran, pengurusan kewangan, penyediaan kemudahan, perkongsian matlamat dan penglibatan bersama dalam isu-isu utama dapat mempengaruhi matlamat sumbangan (Heckman & Guskey, 1998; Hunter et al., 1999). Kajian oleh Sargeant et al., (2006) serta Bekkers dan Crutzen (2007) mendapati bahawa perbelanjaan mewah oleh pihak universiti yang tidak sesuai dengan kehendak pelajar memberikan pengaruh negatif kepada jumlah sumbangan graduan.

Selain faktor-faktor yang telah dibincangkan, terdapat beberapa faktor dalaman

yang berkaitan dengan profil penyumbang turut mempengaruhi kesediaan menyumbang, Antaranya ialah jantina (Lyons & Nivison-Smith, 2006), umur (Watsyn, 2009), pendapatan (Clotfelter, 2001), perbelanjaan isi rumah (Bonnei, 1988; Kottasz, 2004; Watsyn, 2009), jenis pekerjaan (Clotfelter, 2001), dan kewangan semasa pengajian (Monks, 2003). Menurut Calvario (1996), Monks (2003), McDearmon dan Shirley (2009), graduan yang tiada tanggungan hutang pengajian didapati lebih cenderung untuk memberi sumbangan kepada pihak universiti.

Berdasarkan faktor yang dikenal pasti dalam kajian lepas berkaitan, faktor-faktor yang dianalisis pada bahagian selanjutnya dibahagikan kepada dua iaitu faktor universiti melibatkan dua kategori iaitu faktor motivasi dalaman dan luaran dengan lima komponen iaitu kemudahan, aktiviti, kualiti akademik, pencapaian atau hasil pengajian dan tadbir urus universiti. Faktor penyumbang pula ialah jantina dan jenis pembiayaan semasa pengajian.

TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Secara umum, kajian ini bertujuan untuk mengetahui kesediaan graduan baharu untuk memberikan sumbangan kepada pihak universiti setelah memperoleh pekerjaan. Sehubungan itu, terdapat dua objektif penting kajian iaitu;

1. Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kesediaan graduan baharu memberikan sumbangan kepada pihak universiti.
2. Menganalisis pengaruh faktor-faktor yang dikenal pasti terhadap kesediaan graduan baharu memberikan sumbangan kepada pihak universiti.

METODOLOGI

Kaedah kajian merupakan proses dan teknik untuk mereka, mengumpul dan menganalisis data sebagai hasil empirikal kepada sesuatu penyelidikan. Bahagian ini menerangkan secara ringkas mengenai kaedah kajian yang diaplikasi bagi menjawab objektif utama kajian ini iaitu mengenal pasti pengaruh faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan graduan baharu untuk

mendanai pengoperasian universiti melalui sumbangan kewangan.


REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang bertujuan mengenal pasti dan menganalisis pengaruh faktor-faktor yang mempengaruhi graduan baharu untuk memberikan sumbangan kepada universiti. Instrumen soal selidik telah digunakan bagi mendapatkan maklumat dan data yang diperlukan. Kajian ini melibatkan graduan atau alumni baharu melibatkan sebuah universiti awam di Perak pada tahun 2015. Dalam sidang konvokesyen tersebut, seramai 5,207 pelajar bergraduasi dengan lima orang menerima Ijazah Doktor Falsafah, 130 orang menerima Ijazah Sarjana, 2,654 orang menerima Ijazah Sarjana Muda dan Diploma pula seramai 2,418 orang. Responden dalam kajian ini terdiri dalam kalangan graduan Ijazah Sarjana Muda sahaja. Berpandukan jadual penentuan bilangan sampel

Krejcie dan Morgan (1970), jumlah sampel yang diperlukan adalah seramai 335 orang. Sepanjang sesi konvokesyen tersebut, 431 orang graduan telah mengembalikan borang soal selidik yang lengkap. Kajian ini berbentuk persepsi daripada graduan terhadap beberapa faktor yang diterangkan dalam kerangka model kajian. Tahap persetujuan graduan terhadap item-item yang dikemukakan adalah menggunakan skala likert satu hingga lima.

KERANGKA MODEL KAJIAN

Keputusan untuk menyumbang dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Sehubungan itu, bagi memudahkan pihak universiti menyusun strategi mendapatkan sumbangan, maka keperluan memahami faktor-faktor yang terlibat amat penting. Berdasarkan teori dan hasil empirikal kajian lepas, Van Slyke dan Brooks (2006) telah meringkaskan faktor-faktor ini sebagaimana Rajah 1.



Rajah 1: Kerangka Model Kajian (diambil daripada Van Slyke & Brooks, 2006)

Berdasarkan Rajah 1, kajian ini turut mengaplikasikan faktor yang sama. Namun demikian, pemilihan pemboleh ubah disesuaikan dengan keperluan kajian. Memandangkan kajian ini dalam kalangan graduan baharu, maka pemboleh ubah demografi yang dipilih adalah

jantina, jenis pembiayaan semasa pengajian di bawah faktor sosio-ekonomi, aktiviti pelajar dan hasil pengajian pula di bawah faktor motivasi dalaman, dan faktor motivasi luar pula terdiri daripada kemudahan, kualiti akademik dan pengurusan di universiti. Persetujuan untuk

menyumbang pula dipilih bagi mewakili faktor sikap menyumbang.

ANALISIS DATA

Bagi tujuan analisis untuk melihat kebarangkalian persetujuan graduan untuk memberikan sumbangan kewangan kepada pihak universiti setelah mendapat pekerjaan, kaedah regresi logistik diaplikasikan. Pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini adalah berbentuk dikotomus, iaitu bersetuju atau tidak bersetuju untuk memberikan sumbangan. Menurut Gujerati (2003), bagi model yang menggunakan pemboleh ubah bersandar dan bebas berbentuk dikotomus, maka model ini sesuai dianggar menggunakan model logit. Model yang dianggar dalam kajian ini dapat diringkaskan seperti berikut:

$$P_i = E (Y=1/X) = 1 / (1 + e^{-z}) \dots\dots\dots(1)$$

di mana:

P_i adalah kebarangkalian bagi responden bersetuju untuk memberikan sumbangan iaitu $Y=1$, dan $Y=0$ bagi responden yang tidak bersetuju.

Persamaan (1) boleh ditulis semula dalam bentuk berikut:

$$P_i = 1 / (1 + e^{-z}) = e^z / (1 + e^z) \dots\dots\dots(2)$$

Jika P_i mewakili kebarangkalian responden bersetuju iaitu $Y=1$, maka kebarangkalian bagi individu yang tidak bersetuju ialah $Y=0$ iaitu bersamaan $(1-P_i)$. Oleh itu kebarangkalian tidak bersetuju untuk memberikan sumbangan ialah:

$$(1 - P_i) = 1 / (1 + e^z) \dots\dots\dots(3)$$

Oleh itu, nisbah kebarangkalian untuk responden bersetuju adalah:

$$P_i / (1 - P_i) = e^z \dots\dots\dots(4)$$

Dengan mengambil kira natural log bagi persamaan (4), maka:

$$\begin{aligned} L &= \ln (P_i / (1 - P_i)) = \ln (e^z) \\ &= Z_i \\ &= f (X) \dots\dots\dots(5) \end{aligned}$$

Berdasarkan persamaan (5), kajian ini meneliti beberapa pemboleh ubah yang dipertimbangkan mempengaruhi kesediaan graduan untuk memberikan sumbangan kepada pihak universiti, iaitu:

$$Z_i = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \beta_4 X_4 + \dots + \beta_i X_i \dots\dots\dots(6)$$

Berdasarkan persamaan (6) Z_i adalah satu fungsi $f(X)$ dengan X merupakan pemboleh ubah bebas yang dipertimbangkan, iaitu jantina, biaya pengajian, kemudahan, aktiviti pelajar, kualiti akademik, hasil pengajian dan tadbir urus universiti. Oleh itu, berpandukan kepada persamaan (6) dan pemboleh ubah bebas yang dipertimbangkan, maka model khusus yang dianggar dalam kajian ini ialah:

$$L = \ln (P_i / (1 - P_i)) = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \beta_4 X_4 + \beta_5 X_5 + \beta_6 X_6 + \beta_7 X_7 \dots\dots (7)$$

Dengan:

- L = log bagi nisbah "odds" persetujuan
- X_1 = Jantina; 1 (lelaki) dan 0 (perempuan)
- X_2 = Biaya pengajian; 1 (basiswa) dan 0 (pinjaman)
- X_3 = Kemudahan (min)
- X_4 = Aktiviti pelajar (min)
- X_5 = Kualiti akademik (min)
- X_6 = Hasil pengajian (min)
- X_7 = Tadbir urus universiti (min)

Sebelum analisis regresi logistik dilaksanakan, pengukuran dan kesahan setiap pemboleh ubah atau konstruk yang digunakan dilaksanakan. Bagi tujuan mengetahui kepadanan faktor dan kecukupan sampel kajian, nilai analisis daripada ujian Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) *cronbach alpha* dan Barlett's Test of Sphericity diteliti (William *et al.*, 2012). Ujian ini perlu signifikan pada aras keertian sekurang-kurangnya 5.0 peratus (%) bagi memastikan kesemua faktor yang dikaji adalah sesuai untuk dianalisis. Nilai analisis lain yang turut diteliti bagi mengetahui ketepatan konstruk dan item ialah muatan faktor (*factors loading*) dan keseragaman (*communalities*). Semua maklumat yang diperoleh daripada soal selidik yang diedarkan kepada responden dianalisis menggunakan perisian IBM-SPSS.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis data yang dijalankan, perbincangan hasil dapatan kajian diterangkan dalam dua bahagian. Bahagian pertama adalah berkaitan profil responden dan bahagian kedua pula hasil analisis daripada regresi logistik.

MAKLUMAT RESPONDEN

Maklumat ringkas berkaitan responden yang terlibat dalam kajian ditunjukkan dalam Jadual 1 yang melibatkan seramai 431 orang melibatkan 333 orang (77.3 %) graduan perempuan dan 98 orang (22.7%)pula graduan lelaki. Sumber pembiayaan pengajian daripada pinjaman

merupakan sumber kewangan utama kepada graduan iaitu berjumlah 326 orang (75.6 %), manakala dari sumber -lain seperti biasiswa seramai 49 orang (11.4%), pinjaman yayasan berjumlah 11 orang (2.6 %) dan 45 orang (10.4%) pula dibiaya sendiri oleh keluarga. Responden paling ramai dalam kajian ini adalah daripada empat buah fakulti iaitu FBK, 97 orang (22.5%), diikuti oleh FPPM, 91 orang (21.1%), FSK, 81 orang (18.8%) dan FSKIK, 66 orang (15.3%). Responden paling sedikit pula ialah FSKKJ, 2 orang (0.5%), dan disusuli oleh FSM, 26 orang (6.0%), FPE, 31 orang (7.2%) dan FPTV, 37 orang (8.6%).

JADUAL 1: Maklumat responden

Kategori	Keterangan	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Jantina	Perempuan	333	77.3
	Lelaki	98	22.7
Biaya Pengajian	Pinjaman	326	75.6
	Biasiswa	49	11.4
	Yayasan	11	2.6
	Keluarga	45	10.4
Fakulti	FBK	97	22.5
	FPTV	37	8.6
	FPPM	91	21.1
	FSM	26	6.0
	FSK	81	18.8
	FPE	31	7.2
	FSKIK	66	15.3
	FSKKJ	2	0.5

UJIAN KESAHAN PEMBOLEH UBAH

Hasil ujian kesahan faktor dan item yang digunakan dalam borang soal selidik sebagaimana Jadual 2. Berdasarkan Jadual 2, kesemua 24 item yang mewakili lima faktor yang dikaji dalam borang soal selidik ini sesuai. Indikator kesesuaian item terhadap setiap faktor dinilai berdasarkan nilai KMO dan nilai *alpha*. Nilai KMO dan *alpha cronbach* yang ditunjukkan bagi semua faktor adalah tinggi iaitu 0.964 dan 0.958, manakala nilai varian pula

ialah 71.96. Nilai ini menunjukkan kemampuan faktor kajian untuk menerangkan kesediaan menyumbang dalam kalangan graduan baharu ialah sebanyak 72.0 (%). Sekaran (2003) menyatakan bahawa nilai *alpha* atau pekali kebolehppercayaan yang tinggi ini menunjukkan bahawa konstruk dan item adalah diterima dan boleh dipercayai. Ujian kesahan secara individu bagi setiap faktor juga menunjukkan hasil yang sama iaitu melebihi 0.8.

JADUAL 2: Ujian kesahan pemboleh ubah

Faktor	Bilangan item	Nilai Cronbach	KMO	Ujian Barlett, (λ)	Varian
a) Kemudahan	6	0.897	0.979	1469.45	66.18
b) Aktiviti pelajar	4	0.913	0.814	1243.08	79.57
c) Kualiti akademik	4	0.866	0.823	806.99	71.39
d) Hasil pengajian	5	0.925	0.899	1639.97	77.71
e) Tadbir urus universiti	5	0.880	0.798	1336.06	68.04
Keseluruhan	24	0.964	0.958	8583.04	71.96

ANALISIS REGRESI LOGISTIK

Jadual 3 menunjukkan deskripsi ringkas berkaitan responden. Frekuensi persetujuan graduan baharu untuk menyumbang kepada

universiti setelah mendapat pekerjaan ialah seramai 164 orang (38.1%), manakala tidak bersetuju pula ialah seramai 265 orang (61.5%).

JADUAL 3: Persetujuan responden terhadap sumbangan kepada universiti

Tahap	Kekerapan (%)
Bersetuju	164 (38.1)
Tidak Bersetuju	265 (61.5)

Dapatan ini menarik untuk diteliti secara lebih lanjut memandangkan bilangan graduan yang tidak bersetuju lebih ramai berbanding bersetuju untuk menyumbang berdasarkan

dapatan dalam analisis berikutnya. Sebelum hasil utama kajian dibincangkan, kesesuaian analisis data menggunakan model logistik dilaksana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.

JADUAL 4: Jadual klasifikasi regresi logistik

Pemerhatian	Diramalkan	
	Tidak Bersetuju	Bersetuju
Tidak Bersetuju	231	34
Bersetuju	125	39

Nota: Klasifikasi Benar (%), Menerima Cadangan = 23.8%; Tidak Menerima Cadangan = 87.2%; Keseluruhan = 62.9%

Nilai peratus yang ditunjukkan dalam Jadual 4 merupakan nilai ketepatan peramalan daripada pemboleh ubah bersandar terhadap data sebenar kajian. Hasil daripada Jadual 4 menunjukkan bahawa model ini berupaya untuk meramal ketepatan daripada pemerhatian sebenar sebanyak 62.9%. Memandangkan tahap tidak bersetuju lebih tinggi, maka hasil analisis

daripada model ini cenderung untuk meramal lebih tepat berkaitan faktor-faktor yang menyebabkan ramai responden enggan atau tidak bersetuju untuk menyumbang kepada pihak universiti. Hasil analisis regresi bagi persamaan (7) ditunjukkan sebagaimana dalam Jadual 5.

JADUAL 5: Hasil keputusan regresi logistik

Pemboleh Ubah bebas	Koefisien	Ekp Koefisien	Statistik Wald
Konstan	-2.285**	0.102	9.371
Jantina	0.340	1.405	1.950
Biaya	-0.501**	0.606	4.126
Kemudahan	-0.504**	4.579	0.604
Kualiti Akademik	0.746**	4.301	2.109
Aktiviti	-0.133	0.191	0.875
Hasil Pengajian	0.039	0.023	1.040
Tadbir Urus	0.313	1.833	1.368

Nota: *, **, *** signifikan pada 1%, 5% dan 10%

Berdasarkan hasil analisis logistik yang ditunjukkan dalam Jadual 5, didapati terdapat tiga faktor mempengaruhi kesediaan graduan baharu sebagai penyumbang. Satu pemboleh ubah daripada faktor sosio-ekonomi, manakala dua pemboleh ubah daripada faktor motivasi luar iaitu pemboleh ubah kemudahan dan kualiti akademik. Berdasarkan ketiga-tiga pemboleh ubah yang mempengaruhi secara signifikan tersebut, hubungannya dengan kesediaan menyumbang dalam kalangan graduan baharu dapat dibincangkan lebih lanjut. Pertama, pemboleh ubah kualiti akademik didapati berhubung secara positif dengan kesediaan menyumbang dengan nilai log nisbah odds (responden yang menjawab bersetuju) adalah 0.746 yang mana nilai koefisien eksponen ialah 4.301.

Huraian kepada dapatan ini adalah kebarangkalian kesediaan graduan untuk menyumbang untuk meningkat sebanyak 3.3 kali ganda dengan meningkatnya kualiti akademik yang diperoleh. Dalam hal ini, kualiti melibatkan kurikulum dan ahli akademik merupakan keutamaan oleh semua universiti. Semakan berterusan kesesuaian akademik, penempatan pelajar dengan latihan industri dalam sektor pekerjaan bersesuaian, program pertukaran pelajar dan sebagainya merupakan antara usaha yang telah dilaksana. Penambahbaikan ini adalah selari dengan strategi universiti dan kementerian amnya yang

amat menitikberatkan kualiti dan kelayakan tenaga pengajar, penyediaan program serta aktiviti akademik yang menepati kehendak pasaran dan pelaksanaan aktiviti penyelidikan berimpak tinggi (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 Pengajian Tinggi). Memandangkan pemboleh ubah kualiti mempengaruhi secara signifikan terhadap kesediaan menyumbang graduan, maka faktor ini perlu dititikberatkan dan membentuk imej atau reputasi yang positif kepada sesebuah universiti.

Keduanya ialah pemboleh ubah kemudahan yang juga didapati mempengaruhi secara signifikan, namun hubungannya adalah secara negatif. Huraian kepada hubungan ini menunjukkan tahap kesediaan menyumbang dalam kalangan graduan baharu berkurangan sebanyak 3.7 kali ganda dengan berkurangnya kepuasan mereka terhadap kualiti kemudahan yang diperoleh semasa pengajian. Hal ini menjadi cabaran bagi ditangani oleh pihak universiti memandangkan penyediaan kemudahan-kemudahan ini memerlukan kos yang tinggi dalam senario peruntukan kewangan daripada kementerian semakin berkurangan. Bagi mengetahui tahap persepsi graduan terhadap kualiti kemudahan sedia ada yang diperoleh, analisis min dilaksana bersama dengan hasil analisis ditunjukkan dalam Jadual 6.

JADUAL 6: Tahap kepuasan graduan terhadap kualiti kemudahan di universiti

Jenis Kemudahan	Tahap Kualiti (min) ^a
Bahan rujukan (perpustakaan)	3.88
Kemudahan internet	3.87
Kemudahan riadah	3.81
Kemudahan penginapan	3.80

^a Petunjuk: < 2.9 (Kecil), 3 hingga < 3.9 (Sederhana), ≥ 4 (Tinggi)

Berdasarkan Jadual 6, didapati bahawa tahap kepuasan graduan terhadap kualiti kemudahan yang disediakan adalah sederhana. Kemudahan-kemudahan ini merupakan satu keperluan penting yang menyokong kepada hasrat universiti dan negara untuk memiliki graduan yang cemerlang. Sehubungan itu, dapatan tersebut penting sebagai maklum balas yang perlu diberi keutamaan kepada pihak universiti bagi menzahirkan komitmen sebuah menara gading dalam membentuk insan yang syumul. Merujuk kepada jenis kemudahan ini, pihak universiti boleh mempelbagaikan bentuk sumbangan daripada graduan khususnya bahan bacaan terkini. Oleh yang demikian, pertambahan sesebuah buku dengan bilangan dan kuantiti yang dapat menampung saiz pelajar di perpustakaan berupaya untuk mengatasi isu waktu menunggu, cetakan lama, buku yang terhad dan sebagainya.

Selain daripada dua pemboleh ubah tersebut, pemboleh ubah lain di bawah kategori faktor motivasi dalaman dan luaran didapati tidak mempengaruhi secara signifikan. Namun demikian, arah hubungan pemboleh ubah hasil pengajian dan tadbir urus universiti terhadap kesediaan menyumbang adalah secara positif. Hal ini menunjukkan kedua-dua faktor ini penting untuk diutamakan dalam pengoperasian sesebuah universiti. Matlamat pendidikan yang digariskan oleh pihak universiti bertujuan melahirkan graduan yang berkualiti merupakan hasil reputasi yang bakal mendorong mereka sebagai penyumbang dana pada masa depan.

Pemboleh ubah biaya merupakan faktor ketiga mempengaruhi kesediaan menyumbang dalam kalangan graduan baharu. Hasil analisis menunjukkan pemboleh ubah ini mempengaruhi secara signifikan, namun hubungannya adalah secara negatif. Keadaan ini menunjukkan bahawa kesediaan graduan baharu memberikan sumbangan amat berkait rapat dengan sumber

keuangan semasa pengajian. Tafsiran daripada nilai koefisien eksponen menunjukkan kesediaan menyumbang berkurang sebanyak 60 peratus. Dapatan ini sebenarnya selari dengan kajian lepas oleh Calvario (1996), Monks (2003) serta McDearmon dan Shirley (2009). Dalam menangani isu tersebut, pendidikan secara percuma merupakan antara mekanisme yang boleh dilaksanakan. Namun demikian, alternatif ini berhadapan dengan kekangan kewangan khususnya yang dihadapi pada peringkat universiti dan negara.

Usaha oleh pembiaya utama dalam pendidikan negara iaitu Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) yang memberikan pelepasan pinjaman kepada graduan cemerlang, penggunaan kontrak upah (*ujrah*) dalam perjanjian pembiayaan pendidikan serta galakan menabung daripada awal melalui Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) merupakan antara pendekatan yang bertujuan meringankan bebanan tersebut. Usaha daripada pihak kementerian dan universiti yang sedang giat dilaksanakan melalui tabung wakaf atau endowmen juga boleh merealisasikan kepada pengurangan bebanan kewangan dalam pendidikan menerusi penyediaan bantuan pengajian kepada pelajar sekiranya mendapat sokongan daripada graduan dan semua pihak sebagaimana digariskan dalam Program Transformasi Universiti (UniTP) Buku Jingga (KPT, 2016).

IMPLIKASI KAJIAN

Implikasi penting daripada dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kesediaan graduan baharu untuk memberikan sumbangan kewangan kepada universiti adalah rendah. Persepsi bahawa universiti awam yang dibiayai penuh oleh pihak kerajaan sebelum ini perlu ditangani dengan lebih serius, Perkongsian mengenai

transformasi polisi dan usaha pihak universiti dalam mendepani cabaran ini perlu disampaikan dengan lebih jelas. Keperluan pihak universiti untuk mendapatkan sokongan alumni perlu dipertingkatkan melalui pelbagai aktiviti mampu merapatkan hubungan graduan atau alumni dengan universiti secara berkekalan. Walaupun pinjaman pengajian mengurangkan kesediaan graduan untuk menyumbang, timbal balas sumbangan dengan balasan tertentu seperti pengecualian cukai, peluang belajar sama ada kepada alumni sendiri atau generasi sebagaimana dilaksana di luar negara boleh dijadikan antara strategi penting dalam merealisasikan matlamat tersebut.

KESIMPULAN

Penglibatan graduan sebagai sebahagian pemberi dana kepada pihak universiti awam di Malaysia khususnya masih baharu. Strategi untuk menghubungkan universiti secara lebih dekat dengan graduan atau alumni mula mendapat perhatian serius oleh beberapa universiti kini. Memandangkan pencarian graduan lama mengambil masa, maka penekanan perlu diberikan kepada kelompok graduan baharu. Cabaran yang dialami oleh graduan kini yang semakin mencabar terutama isu kebolehpasaran. Hal ini menjadi kekangan kepada pihak universiti sekiranya matlamat yang ingin dikecapi oleh graduan tidak mampu dipenuhi oleh graduan. Oleh yang demikian, pihak universiti perlu mengenal pasti serta menyediakan keperluan yang penting untuk diterapkan kepada setiap pelajar sebagai satu imej universiti yang dapat graduan banggakan. Pembentukan imej graduan yang baik dapat memudahkan hubungan antara pihak universiti dan graduan pada masa hadapan mencakupi aspek kewangan dan bukan kewangan.

Bagi mengetahui secara lebih jelas mengenai kesediaan graduan sebagai penyumbang, beberapa kajian lanjut boleh dilaksana. Antaranya ialah kajian perbandingan melibatkan responden daripada universiti swasta dan awam. Hal ini menarik untuk diteliti sebagai maklum balas daripada rungutan kebolehpasaran sektor industri terhadap kedua-dua kumpulan graduan. Dalam hal tersebut, perbandingan hasil

analisis mengenai pengaruh setiap pemboleh ubah biaya dapat diketahui dengan lebih lanjut seperti faktor sumber pembiayaan. Keduanya, trend kesediaan graduan baharu boleh diperincikan melalui kajian longitudinal bagi mengenal pasti persamaan dan perbezaan persepsi mereka khususnya terhadap usaha berterusan yang dilaksanakan oleh pihak universiti dalam menambahbaik kualiti pengajian, kemudahan dan sebagainya. Melalui kajian yang lebih banyak dan merangkumi pelbagai kategori responden, lokasi dan masa, hasrat untuk merealisasikan pelan transformasi ini mampu untuk dicapai.

RUJUKAN

- Abd Rahman Ahmad, Ng Kim Soon, Rosman Md Yusoff & Atikah Yahya .(2015). The alumni donation factors affecting public universities in Malaysia. *Proceedings of The 26th International Business Information Management Association Conference*.
- Ahmad, A.R. & Farley, A. 2012. Impact of the government funding reforms on the teaching and learning of Malaysian public universities. *Higher Education Studies*, 2(2): 114-124.
- Andreoni, J. (1989). Giving with impure altruism: Applications to charity and ricardian equivalence. *Journal of Political Economy*, 97: 1447-1458.
- Astin, A. W., Sax, L. J., & Avalos, J. 1999. Long term effects of volunteerism during the undergraduate years. *The Review of Higher Education*, 22 (2): 187-202.
- Becker, Gary S. 1974. Theory of social interaction. *Journal of Political Economy*, 82 (6): 1064-1093.
- Bekkers, R. & Crutzen, O. 2007. Just keep it simple: A field experiment on fundraising letters, *International Journal of Nonprofit and Voluntary Sector Marketing*, 12(4): 371-378.
- Bonnie, S.G. 1988. The marketing of altruistic causes: Understanding why people help. *Journal of Services Marketing*, 2 (1): 5-16.
- Brown, E.; Ferris, J.M. 2007. Social capital and philanthropy: An analysis of the impact of

- social capital on individual giving and volunteering. *Nonprofit Volunt. Sect. Q*, 36: 85-99.
- Callen, J. L. 1994. Money donations, volunteering and organizational efficiency. *Journal of Productivity Analysis* 5: 215-228.
- Calvario, D. A. 1996. College experience, satisfaction, and intent to financially support one's alma mater. Doctoral Dissertation, University of Northern Colorado.
- Clotfelter, C.T. 1980. Tax incentives and charitable giving: Evidence from a panel of taxpayers. *Journal of Public Economics*, 13: 319-340.
- Clotfelter, C.T. 2001. Who are the alumni donors: Giving by two generations of alumni from selective colleges. *Nonprofit Management and Leadership*, 12 (2): 119-138.
- Council for Aid to Education (CAE). 2015. Colleges and universities raise \$37.45 billion in 2014. Atas talian: <http://cae.org/images/uploads/pdf/vse-2014-press-release.pdf>. Akses pada: 20 Februari 2016.
- Feudo, J. 2010. *Alumni relations: A newcomer's guide to success*. Washington, DC: Council for Advancement and Support of Education.
- Fidlizan, M., Azila, A.R., Mohd Yahya, M.H. & Salwa Amirah, A. 2014b. Kesanggupan alumni menyumbang kepada universiti: Kajian dalam kalangan guru muslim di Johor. *Jurnal Syariah*, 22 (2): 259-288.
- Fidlizan, M., Azila, A.R., Mohd Yahya, M.H. & Fatimah Salwa, A.H. 2015. Model sumbangan alumni kepada universiti: Satu kajian awal. *EDUCATUM - Journal of Social Science*, 1: 40-51.
- Fidlizan, M., Mohd Yahya, M.H., Azila, A.R., & Fatimah Salwa, A.H. 2014a. Impak kitaran sosial dalam sumbangan alumni terhadap pendapatan endowmen universiti. *Akademika*, 84 (3): 15-28.
- Glazer, A., & Kai, K. 1996. A signaling explanation for charity. *American Economic Review*, 86: 1019-1028.
- Graham, S. W., & Gisi, S. L. 2000. The effects of instructional climate and student affairs services on college outcomes and satisfaction. *Journal of College Student Development*, 41 (3): 279-291.
- Guevara, C & Stewart, S. 2011. Do student evaluations match alumni expectations? *Managerial Finance*, 37 (7): 610-623.
- Gujarati, D.N. 2003. *Basic econometrics*. New York: McGraw Hill Book Co.
- Heckman, R. & Guskey, A. 1998. The relationship between alumni and university: Towards a theory of discretionary collaborative behavior. *Journal of Marketing Theory and Practice*, 6 (2): 97-112.
- Holmes, J. 2009. Prestige, charitable deductions and other determinants of alumni giving: Evidence from a highly selective liberal arts college. *Economics of Education Review*, 28:18-28.
- Hunter, C.S., Jones, E.B. & Boger, C. 1999. A study of the relationship between alumni giving and selected characteristics of alumni donors of Livingstone College, NC. *Journal of Black Studies*, 29 (4): 523-539.
- Kartini, A.T., Nidzam, S., Wan Kamal, M. & Ermy Azziaty, R. 2015. Membiayai pendidikan tinggi menerusi endowmen: Kewibawaan Model Hibrid Harvard. *Geografia Journal of Society and Space*, 11 (4):121 - 131.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. 2007. *Pelan strategik pengajian tinggi negara melangkaui tahun 2020*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Kottasz, R. 2004. Differences in the donor behavior characteristics of young affluent males and females: Empirical evidence from Britain. *International Journal of Voluntary and Nonprofit Organizations*, 15 (2): 18-203.
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30: 607-610.
- Leslie, L. L., & Ramey, G. 1988. Donor behavior and voluntary support for higher education institutions. *The Journal of Higher Education*, 59(2): 115-132.

- Lyons, M. & Nivison-Smith, I. 2006. Religion and giving in Australia. *Aust. J. Soc.* : 419.
- Mael, F. & Ashforth, B.E. 1992. Alumni and their alma mater: A partial test of the reformulated model of organizational identification. *Journal of Organizational Behavior*, 13: 103-23.
- McDearmon, J. T., & Shirley, K. 2009. Characteristics and institutional factors related to young alumni donors and non-donors. *International Journal of Educational Advancement*, 9 (2): 83-95.
- Monks, J. 2003. Patterns of giving to ones alma mater among young graduates from selective institutions. *Economics of Education Review*, 22: 121-130.
- Okunade, A.A. 1993. Logistic regression and probability of business scholl alumni donations: Microdata Evidence. *Education Economics* 1: 243-258.
- Parsons, L. M. 2007. The impact of financial information and voluntary disclosures on contributions to not-for-profit organizations. *Behavioral Research in Accounting*, 19: 179-196.
- Pfeffer, J. 1997. *New directions for organization theory: Problems and prospects*. New York: Oxford University Press.
- Rohayati, M.I., Najdi, Y. & Williamson, J.C. 2016. Philanthropic fundraising of higher education institutions: A review of the Malaysian and Australian perspectives. *Sustainability*, 8 (541): 1-20.
- Randolph, W. 1995. Dynamic income, progressive taxes, and the timing of charitable contributions. *Journal of Political Economy*, 103:709-738.
- Sargeant, A. & Lee, S. 2004. Donor trust and relationship commitment in the U.K. charity sector: The impact on behavior. *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly*, 33 (2): 185-202.
- Sargeant, A., Hilton, T. & Wymer, W. 2006. Bequest motives and barriers to giving. *Nonprofit Management and Leadership*, 17: 49-66.
- Sekaran, U. 2003. *Research methods for business: A skill-building approach*. 4th Edition. New York: John Wiley & Son Inc.
- Sun, X., Hoffman, S. C. & Grady, M. L. 2007. A multivariate causal model of alumni giving: Implications for alumni fundraisers. *International Journal of Educational Advancement*, 7 (4): 307-332.
- Tom, G, & Elmer, L. 1994. Alumni willingness to give and contribution behavior. *Journal of Services Marketing*, 8 (2): 57-62.
- Umbach, P. D. & Porter, S. R. 2002. How do academic departments impact student satisfaction? *Research in Higher Education*, 43 (2): 209-234.
- Van Slyke, D.; Brooks, A. 2005. Why do people give? New evidence and strategies for nonprofit managers. *Am. Rev. Public*, 35: 199-222.
- Volkwein, J. F., & Carbone, D. A. 1994. The impact of departmental research and teaching climates on undergraduate growth and satisfaction. *Journal of Higher Education*, 65(2): 147-167.
- Wannuva, P. V. & Lauze, M. A. 2001. Alumni giving at a small liberal arts college: Evidence from consistent and occasional donors. *Economics of Education Review*, 20: 533-543.
- Wastyn, M.L. 2009. Why alumni don't give: A qualitative study of what motivates nondonors to higher education. *International Journal of Educational Advancement*, 9 (2): 96-108.
- William, B., Brown, T. & Onsmann, A. 2012. Exploratory factor analysis: A five-step guide for novices. *Journal of Emergency Primary Helath Care*, 8 (3): 1-13.

LAMPIRAN

JADUAL A1: Endowmen terbanyak 20 universiti di Amerika Syarikat tahun 2014

Bil	Nama Universiti	Nilai Endowmen (USD)
1	Harvard University	1.16 billion
2	Stanford University	928.46 juta
3	University of Southern California	731.93 juta
4	Northwestern University	616.35 juta
5	Johns Hopkins University	614.61 juta
6	Cornell University	546.09 juta
7	University of Texas at Austin	529.39 juta
8	University of Pennsylvania	483.57 juta
9	University of Washington	478.07 juta
10	Columbia University	469.97 juta
11	New York University	455.72 juta
12	University of California-San Francisco	444.94 juta
13	Duke University	437.38 juta
14	University of Michigan	432.60 juta
15	Yale University	430.31 juta
16	University of California-Los Angeles	430.28 juta
17	University of Chicago	405.35 juta
18	University of California-Berkeley	389.93 juta
19	Massachusetts Institute of Technology	375.03 juta
20	Indiana University	341.31 juta

Sumber: Laporan CAE (2015)

JADUAL A2: Jumlah endowmen dan bilangan alumni menyumbang di England, 2011-2014

Tahun	Jumlah (£)	Bilangan Alumni Menyumbang
2011/2012	519 juta	213,000
2012/2013	637 juta	223,000
2013/2014	643 juta	225,000

Sumber: Laporan Survei Ross-CASE (pelbagai tahun)

JADUAL A3: Program endowmen universiti awam di Malaysia

Bil	Nama Universiti	Aktiviti dan Laman Web
1	UKM	<ul style="list-style-type: none">• Program Penjanaan Dana Waqaf dan Infaq UKM <p>Laman Web: <i>http://www.waqaf.ukm.my/Pages/SumbanganTahunanKeUKM.aspx</i></p>
2	UPM	<ul style="list-style-type: none">• Program 1 Alumni RM10 <p>Laman Web: <i>http://www.alumni.upm.edu.my/endowment</i></p>
3	UTM	<ul style="list-style-type: none">• Menara Endowment• Merdeka Endowment Fund <p>Laman Web: <i>http://giving.utm.my/</i></p>
4	UMP	<ul style="list-style-type: none">• Tabung Amanah Endowment <p>Laman web: <i>http://www.ump.edu.my/ms/industri/tabung-amanah-endowment</i></p>

Fidlizan Muhammad*
Jabatan Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
E-mel: fidlialwa@gmail.com

*Pengarang untuk surat-menyurat; e-mel: fidlialwa@gmail.com

Diserah pada : 5 Jun 2016

Diterima pada : 10 Ogos 2017